

D665

R B634 BAH

EXPO

KUALA TERENGGANU, 7 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD AKAN MERASMIKAN EXPO PEMBANGUNAN TERBESAR PERNAH DIADAKAN DI TERENGGANU YANG AKAN BERLANGSUNG SELAMA ENAM HARI DI DUA TEMPAT DI SINI MULAI 14 OGOS.

PENGERUSI JAWATANKUASA EXPO, DATUK HAJI ABU BAKAR DAUD YANG JUGA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR HARI INI, EXPO YANG BERTEMAKAN '+PEMBANGUNAN UNTUK KESEJAHTERAAN INSAN' ITU DIADAKAN BAGI MEMPAMERKAN PEMBANGUNAN PESAT YANG DILALUI OLEH TERENGGANU DI BAWAH PIMPINAN MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD SEJAH 10 TAHUN LALU.

KATANYA, EXPO ITU TERBAHAGI KEPADA DUA BAHAGIAN IAITU EXPO PEMBANGUNAN PERTANIAN BERTEMPAT DI PADANG HILIRAN, DEKAT SINI DAN EXPO KEMAJUAN PEMBANGUNAN BERTEMPAT DI STADIUM NEGERI DI JALAN SULTAN MAHMUD, DI SINI.

BELIAU BERKATA, PERDANA MENTERI AKAN MERASMIKAN KEDUA-DUA BAHAGIAN EXPO ITU SERENTAK DI PADANG HILIRAN PUKUL 4.45 PETANG.

BAGAIMANAPUN, BAHAGIAN EXPO KEMAJUAN PEMBANGUNAN DI STADIUM NEGERI AKAN HANYA DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI MULAI PAGI 15 OGOS SETELAH PERDANA MENTERI MENJADI PENGUNJUNG PERTAMANYA. -- LAGI.
1431MST 07 08 85

D667

R B635 BAH

EXPO 2 KUALA TERENGGANU

MENURUTNYA, KEDUA-DUA BAHAGIAN EXPO YANG MENERIMA PERUNTUKAN \$400,000 DARIPADA KERAJAAN NEGERI ITU AKAN DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI DARI JAM 9 PAGI HINGGA 10 MALAM SETIAP HARI. MENTERI BESAR AKAN MELAKUKAN UPACARA PENUTUPANNYA PADA 19 OGOS DI STADIUM NEGERI.

BAHAGIAN EXPO PEMBANGUNAN PERTANIAN YANG MEMBABITKAN PENYERTAAN BERBAGAI-BAGAI JABATAN KERAJAAN, BADAN-BADAN BERKANUN, SWASTA DAN ORANG PERSEORANGAN AKAN MEMPUNYAI 103 BUAH GERAI MELIPUTI 15 BUAH GERAI PERTANDINGAN, 40 BUAH GERAI PAMERAN JABATAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN DAN 48 BUAH GERAI SWASTA.

BAHAGIAN EXPO KEMAJUAN PEMBANGUNAN PULA DIBAHAGIKAN KEPADA 11 SEKTOR TERMASUK SEKTOR PENTADBIRAN, KERAJAAN TEMPATAN, KEMUDAHAN ASAS, PERINDUSTRIAN, KESELAMATAN, PELANCONGAN, PELAJARAN, KESIHATAN, KEBAJIKAN DAN KEAGAMAAN.

DI BAHAGIAN EXPO PEMBANGUNAN PERTANIAN, DI ANTARA JENIS-JENIS PERTANDINGAN YANG DIADAKAN IALAH HASIL PERTANIAN, HASIL LAUT, HASIL PEMEROSAN, TERNAKAN, GERAI CANTIK DAN PERMAINAN WAU CANTIK. -- LAGI.

1435MST 07 08 85

D668

R B636 BAH

EXPO 3 KUALA TERENGGANU

SELAIN PAMERAN PELBAGAI HASIL PERTANIAN UNTUK TONTONAN DAN JUALAN, SATU PAMERAN KERETA MALAYSIA PROTON SAGA JUGA AKAN DIADAKAN DI DALAM KAWASAN EXPO PEMBANGUNAN PERTANIAN.

DI STADIUM NEGERI PULA, SELAIN PAMERAN KEMAJUAN PEMBANGUNAN, TAYANGAN-TAYANGAN FILEM, VIDEO DAN SLIDE YANG MENUNJUKKAN SETIAP